

29 MAR 2002
Perak - Air
LEMBAGA AIR PERAK SEDIA DISWASTAKAN SELEPAS 2005

IPOH, 29 Mac (Bernama) -- Perkhidmatan bekalan air di Perak hanya akan diswastakan apabila Lembaga Air Perak (LAP) diswastakan selepas tahun 2005, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini.

Katanya, Perak tidak akan terburu-buru dalam menswastakan bekalan air kerana ia mahu menjaga kepentingan pengguna dan kakitangan LAP.

Katanya, LAP akan diperbadankan terlebih dahulu sebelum diswastakan seperti yang dilakukan untuk Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.

"Untuk menswastakan LAP, ia perlu mempertimbangkan tambahan 17 peratus untuk bayaran gaji dan jika kita mampu, barulah ia boleh diperbadankan untuk diswastakan kemudiannya," katanya selepas menghadiri majlis Konvokesyen Politeknik Ungku Omar di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa bekalan air di seluruh negara perlu diswastakan bagi membolehkan rakyat menikmati mutu air yang lebih baik.

Menurut Perdana Menteri, jika tidak dilaksanakan, perkhidmatan itu akan terus berada di takuk lama.

Tajol Rosli berkata, beliau diberitahu bahawa Negeri Sembilan dan Pulau Pinang telah bersedia untuk menswastakan perkhidmatan bekalan air mereka setakat ini.

Katanya, tempoh 2005 itu juga sesuai kerana empangan berharga RM234 juta di Sungai Kinta akan siap pada 2004.

Perak mendapat pinjaman RM170 juta dari kerajaan pusat untuk pembinaan empangan itu.

Tajol Rosli juga berkata keuntungan LAP telah bertambah iaitu RM5 juta pada tahun 1999, RM10 juta tahun 2000, RM20 juta tahun 2001 dan untuk tahun ini, dijangka RM30 juta.

"Bagi tahun 2005, keuntungan dijangka mencecah RM50 juta apabila diswastakan," katanya.

-- BERNAMA
AR RAB MAI